

30 SEP 2003

LTAT-NADI

LTAT BELI 20 PERATUS PEGANGAN DALAM NADI

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) membeli 20 peratus pegangan dalam National Aerospace & Defence Industries Sdn Bhd (NADI), syarikat pegangan Airod Sdn Bhd, pada jumlah yang tidak diumumkan.

PJS Industries Sdn Bhd, yang memiliki syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Pembinaan Jayabumi Sarawak Bhd (PJSB), buat masa ini menguasai 90 peratus NADI manakala 10 peratus selebihnya dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadan.

Satu memorandum persefahaman (MoU) bagi penjualan kepada LTAT dimeterai hari ini dan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas beliau merasmikan Pameran Udara Dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2003.

Kumpulan syarikat NADI merupakan satu daripada penggiat utama dalam industri aeroangkasa dan pertahanan Malaysia manakala Airod terkenal kerana menyediakan perkhidmatan kejuruteraan dan penyenggaraan kepada pengendali pesawat ketenteraan dan komersial tempatan dan antarabangsa.

Presiden Airod dan NADI, Tan Sri Ahmad Johan, memberitahu Bernama di luar acara LIMA hari ini, struktur pemegangan saham dalam NADI pada masa ini akan disusun semula bagi memudahkan penjualan tetapi ia tidak akan bermakna pencairan oleh Menteri Kewangan Diperbadan bagi keseluruhan 10 peratus ekuiti.

Pelanggan utama NADI termasuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Jabatan Penerbangan Awam, Bomba, Tentera Udara Yaman, Tentera Udara Indonesia, Tentera Udara Sri Lanka, Tentera Udara Diraa Thai, GKN Aerospace Services-Structures (UK), BAE Systems Limited dan Boeing Company.

Selain daripada niaga janji LTAT, Perdana Menteri juga menyaksikan MoU antara Airod dan BAE Systems (Operasi) bagi membentuk usaha sama untuk melaksanakan sokongan menyeluruh aktiviti penyenggaraan pesawat Hawk yang dilaksanakan oleh TUDM.

Skop aktiviti syarikat usaha sama itu termasuk reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, pengambilan bekerja dan sokongan pengeluaran modifikasi dan menaik taraf Hawks TUDM.

Dr Mahathir juga menyaksikan pemeteraian surat hasrat antara Airod dan DKI Jakarta bagi syarikat dari Indonesia membeli dua unit helikopter MI-171 pada kos antara RM7 juta dan RM10 juta setiap satu.

Perdana Menteri juga melancarkan logo dan NADI baru yang sebelum ini dikenali sebagai Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd. -- BERNAMA

LES MAD TJK NHD